

<b>(didakwa)</b>				
<b>Bil kes dikompaun</b>	0	0	0	10

Kesalahan di Internet dan media sosial tidak hanya termaktub di bawah bidang kuasa pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) semata-mata.

Ia juga turut tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebagainya. Ianya boleh disiasat dan diambil tindakan oleh agensi yang berkenaan di bawah peruntukan undang-undang yang mereka kuatkuasakan.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung**  
**[ Alor Setar ]**  
**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung**  
**minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang**  
diambil untuk membantu pesawah padi  
menggunakan teknologi pertanian terbaru dalam  
bentuk mesin, baja, benih, dan agrochemical lain  
untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran dan  
sara hidup pesawah padi dalam negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia. Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan bekalan beras sentiasa berada dalam keadaan yang cukup, selamat dan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada penanam padi bagi memberi galakan dan minat agar kekal dalam sektor penanaman padi. Ia juga memodenkan aktiviti

tanaman padi dengan menggunakan baja berkualiti yang ekonomik, sistematik dan berkesan.

Kerajaan juga telah menghasilkan benih padi yang berkualiti tinggi dengan pemutuan yang ketat agar petani memperolehi benih padi yang berkualiti tinggi. Terkini MARDI telah menghasilkan varieti-varieti baharu padi iaitu varieti MARDI 284 dengan hasil mencapai 9 tan/hektar sebagai salah satu varieti berhasil tinggi bagi mempelbagaikan genetik dan pilihan kepada varieti sedia ada. Manakala MARDI Siraj 297 merupakan salah satu varieti berhasil tinggi yang rintang kepada penyakit seperti penyakit karah daun, karah tangkai dan penyakit merah virus. Ia juga sederhana rintang kepada perosak benah perang dengan hasil mencapai 8 tan/hektar.

MARDI juga sedang membangunkan kit pengesanan penyakit bagi penyakit utama padi. Kit ini dapat membantu petani mengecam jenis penyakit agar kawalan yang lebih berkesan dapat diambil tindakan. MARDI juga telah membangunkan sistem aplikasi penyampaian maklumat padi kepada petani menerusi sistem pesanan ringkas bagi membolehkan maklumat berkaitan tanaman padi seperti amaran awal, hebahan, gerak kerja dapat disampaikan dengan efisien di antara agensi pengembangan dan petani.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**SOALAN : NO. 476**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) jumlah pemohon yang gagal membayar balik dan jumlah pinjaman PTPTN yang gagal dikutip sejak dilaksanakan sehingga tersenarai dalam CCRIS; dan
- (b) usaha dijalankan dalam menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPTN.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2016 seramai 1,918,116 orang peminjam telah tamat pengajian dan sepatutnya membuat bayaran balik melibatkan amaun yang patut dikutip sebanyak RM18,349.29 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,179,029 orang peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM9,814.82 juta. Walau bagaimanapun, daripada jumlah keseluruhan yang patut kutip tersebut, sebanyak RM8,534.47 juta masih lagi tertunggak dan belum dapat dikutip. Daripada jumlah tunggakan berkenaan, sebanyak RM5,167.49 juta adalah tunggakan daripada 739,087 orang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala RM3,366.98 juta lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang sedang membuat bayaran balik.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada peminjam, antara faktor yang menyebabkan kegagalan atau kelewatan mereka melunaskan pinjaman adalah:

- i. Peminjam masih menganggur;
  - ii. Peminjam telah bekerja tetapi memperolehi pendapatan kecil yang tidak setimpal dengan kelulusan pendidikan; dan
  - iii. Sikap peminjam sendiri yang tidak mahu untuk membuat bayaran balik.
- Perkara ini terbukti apabila sebahagian peminjam yang telah bekerja dengan

pendapatan yang baik, akan datang berunding untuk memulakan bayaran balik selepas dikenakan tindakan seperti nama disenarai hitamkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan tersenarai dalam Sistem Rujukan Kredit Bank Negara (CCRIS).

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi bayaran balik PTPTN, pelbagai tindakan dilaksanakan, antaranya:

- a) Penggunaan media arus perdana dan media baharu untuk hebahan mengenai kewajipan bayaran balik, maklum balas kepada pertanyaan, aduan dan info terkini;
- b) Taklimat di agensi kerajaan dan swasta secara berkala;
- c) Taklimat kepada pelajar tahun akhir IPT bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan agihan buku "Pengurusan Kewangan Peribadi" secara percuma;
- d) Pemberian diskaun 20% bagi penyelesaian hutang secara sekali gus (1 Oktober 2012 – 30 September 2013 dan 10 Oktober 2014 – 31 Mac 2015);
- e) Pemberian rebat 10% bagi pembayaran mengikut jadual (1 Oktober 2012 – 31 Disember 2015);
- f) Pemberian diskaun 15% bagi penyelesaian keseluruhan baki hutang dan diskaun 10% bagi bayaran balik sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan baki hutang atau bayaran ansuran melalui potongan gaji atau direct debit (22 Oktober 2016 – 31 Disember 2017);
- g) Membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman dengan amaun ansuran bulanan berasaskan kemampuan sehingga umur 60 tahun;
- h) Penyediaan kemudahan bayaran melalui kaunter bank-bank utama dan perbankan internet;
- i) Pembukaan cawangan PTPTN di seluruh negara termasuk di UTC, Tesco dan Giant dengan waktu kerja fleksibel serta kemudahan bayaran tanpa tunai (melalui kad ATM, Kad Debit dan Kad Kredit);
- j) Penyenaiaan hitam peminjam dengan JIM;
- k) Penyenaiaan nama peminjam ke dalam CCRIS;

- i. Menjalin pelbagai kerjasama dengan agensi kerajaan, antaranya tapisan bagi kenaikan pangkat dan pemangkuan;
- ii. Kerjasama PTPTN dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam Program Pengurusan Kredit (PPK); dan
- iii. Pelaksanaan tindakan undang-undang.